# TATACARA PERMOHONAN LESEN JUALAN LANGSUNG

## PENDAHULUAN

Tatacara ini bertujuan membantu syarikat-syarikat yang berminat untuk memohon lesen perniagaan jualan langsung mengikut keperluan **Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 (AJLSAP 1993)** dan **Peraturan- Peraturan Jualan Langsung**. **Dokumen ini tidak boleh digunakan untuk sebarang pertikaian di Mahkamah.**

## OBJEKTIF

Adalah diharapkan garis panduan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pemegang lesen jualan langsung selaras dengan tiga objektif penting **AJLSAP 1993** iaitu:

1. Melesenkan aktiviti jualan langsung demi untuk melindungi hak dan kepentingan pengguna;

2. Menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan aktiviti jualan langsung yang beretika;dan

3. Melarang segala kegiatan berbentuk piramid serta skim cepat kaya.

## DEFINISI JUALAN LANGSUNG

**"Jualan Langsung"** ertinya jualan pintu ke pintu, jualan pesanan pos dan jualan melalui transaksi elektronik mengikut pengertian AJLSAP 1993 ini ATAU perkhidmatan yang dijalankan dengan cara berikut:

1. Jualan barang ATAU perkhidmatan dengan cara;

   i. pergi dari satu tempat ke satu tempat selain suatu tempat perniagaan yang tetap; atau

   ii. membuat panggilan telefon.

2. Mencari orang bersedia untuk membuat kontrak sebagai pembeli bagi barang atau perkhidmatan; dan

3. Kemudian membuat perundingan dengan bakal pembeli dengan tujuan mewujudkan kontrak pembelian.

**<u>JENIS PELAN PEMASARAN DI BAWAH PERNIAGAAN JUALAN LANGSUNG</u>**

Terdapat **tiga** jenis pelan pemasaran di bawah perniagaan jualan langsung iaitu:

1. **BERBILANG TINGKAT (MULTI LEVEL MARKETING PLAN)**

    i. Syarikat akan mengambil/melantik individu sebagai ahli/pengedar untuk mengedar barangan syarikat;

    ii. Ahli/pengedar yang berkenaan pula akan melantik individu lain (*downline*) bagi membentuk rangkaiannya menjual barangan syarikat. Proses pengambilan ahli/pengedar baru boleh diteruskan sehingga satu peringkat yang munasabah.

    iii. Setiap ahli/pengedar akan mendapat komisen/ bonus / insentif daripada jualan peribadi dan jualan ahli / pengedar di bawah rangkaiannya (over-riding bonus).

2. **SATU TINGKAT (SINGLE LEVEL MARKETING PLAN)**

    i. Syarikat akan melantik wakil jualan / ejen jualan dan membayar gaji / komisen /gabungan gaji dan komisen alas jumlah jualan yang dibuat; dan

    ii. Wakil jualan / ejen jualan berkenaan <u>tidak dibenarkan</u> untuk melantik / menaja wakil jualan/ejen jualan lain.

3. **JUALAN MELALUI PESANAN POS (MAIL ORDER)**

    Jualan barang atau perkhidmatan yang dijalankan oleh seseorang, sama ada sendiri atau melalui mana-mana orang yang diberi kuasa melalui pos atau apa-apa kaedah penghantaran yang lain termasuk secara elektronik.

## TATACARA PERMOHONAN LESEN BAHARU DAN PEMBAHARUAN

Semua permohonan **BAHARU** dan **PEMBAHARUAN** Lesen Jualan Langsung perlulah mengikut senarai semak permohonan seperti yang dilampirkan di dalam laman sesawang Kementerian (www.kpdnkk.gov.my). Hanya permohanan yang lengkap sahaja yang akan diproses untuk pertimbangan.

Permohonan hendaklah mematuhi syarat-syarat asas seperti berikut:

### KELAYAKAN

Pemohon hendaklah terdiri dari syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.

### MODAL BERBAYAR

| KATEGORI | Bukan 100% Bumiputera | 100%Bumiputera |
|---|---|---|
| Pemasaran Berbilang Tingkat | RM1,500,000 | RM500,000 |
| Pemasaran Satu Tingkat | RM500,000 | RM100,000 |
| Jualan Pesanan Pos | RM500,000 | RM100,000 |
| Syarikat yang mempunyai pemilikan asing | RM5,000,000 | |

### PANDUAN PELAN PEMASARAN

Pelan pemasaran yang dilaksanakan hendaklah mengikut ciri-ciri berikut :

1. Tidak menjalankan perniagaan yang melibatkan apa-apa skim atau perkiraan berbentuk piramid seperti yang dinyatakan di bawah **seksyen 27B AJLSAP 1993**.
2. Mematuhi **Peraturan-Peraturan Jualan Langsung (Skim dan Perjalanan) 2001** yang mula berkuatkuasa pada **15 Ogos 2001** iaitu:
3. **Penyampaian skim tidak boleh mengelirukan:**

    i. Dalam penyampaian sesuatu skim jualan langsung, seseorang yang menjalankan apa-apa perniagaan jualan langsung tidak boleh mengelirukan peserta dengan memberi penekanan yang berlebihan terhadap bonus tinggi yang tidak seimbang.

    ii. Tiap-tiap peserta hendaklah diberikan suatu kelengkapan jualan (sales kit) yang mengandungi rancangan pemasaran (pelan pemasaran) dan kod etika/tatasusila syarikat.

4. **Pembayaran Insentif**

   i. Syarikat yang menjalankan perniagaan jualan langsung hendaklah menyediakan suatu insentif berasaskan jumlah atau kuantiti barang atau perkhidmatan yang dijual atau diedarkan oleh tiap-tiap peserta yang diambil masuk ke dalam skim dan <u>bukan daripada pengambilan</u> <u>orang ke dalam skim</u>.

5. **Pembelian barang atau perkhidmatan dalam harga/amaun yang tidak munasabah**

   i. Tiap- tiap peserta dikehendaki membeli barang atau perkhidmatan dalam suatu harga/amaun yang dijangka boleh dijual semula atau digunakan dalam suatu tempoh masa yang munasabah.

6. **Perjanjian**

   i. Syarikat yang menjalankan perniagaan jualan langsung hendaklah menyediakan suatu kontrak bertulis atau penyata yang mengandungi terma dan syarat perjanjian itu.

   ii. Perjanjian itu hendaklah memperuntukan perkara berikut:

      a. Peserta hendaklah diberikan <u>tempoh selama sepuluh hari kerja</u> dari tarikh pengambilan untuk membatalkan keahliannya (Tempoh bertenang/*cooling off period*) ;

      b. Apabila terdapat pembatalan keahliannya di bawah perenggan (a), peserta itu hendaklah dibayar semua bayaran yang dikehendaki dalam perjanjian itu;

      c. Syarikat <u>mesti mempunyai polisi beli balik</u>. Syarikat yang menjalankan perniagaan jualan langsung hendaklah membeli balik apa-apa barang yang boleh dipasarkan yang telah dijual kepada peserta itu dalam masa enam bulan yang tidak kurang daripada sembilan puluh peratus amaun yang dibayar; dan

      d. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan peraturan ini adalah melanggar syarat-syarat lesen.

**KRITERIA PERTIMBANGAN PRODUK ATAU PERKHIDMATAN**

1. Produk perlu mempunyai kekuatan tersendiri yang menyukarkannya dipasar melalui sistem penjualan biasa ataupun produk yang memerlukan penerangan secara terperinci oleh jurujual; dan

2. keutamaan akan diberi kepada barangan yang mendapat pengiktirafan dan kelulusan dari dalam dan luar negara dari segi kualiti dan keselamatan barangan seperti *ISO* 9000, MS (SIRIM), pengiktirafan GMP (*Good Manufacturing Practice*s), tanda halal dan sebagainya.

**KRITERIA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN YANG TIDAK DIBENARKAN**

1. Produk berbentuk pemegang amanah / insuran, kecuali syarikat mendapat status pengedar sah daripada PIAM/LIAM dan ianya tidak dibenarkan dipakej dengan produk-produk lain;

2. produk berbentuk pelaburan (saham, urus niaga matawang asing, emas), termasuk pengambilan deposit;

3. produk berbentuk hartanah dan apa jua produk tidak alih; dan

4. produk maya (virsual) seperti laman sesawang (website), *platform* iklan dan seumpamanya.

**SYARAT-SYARAT LESEN JUALAN LANGSUNG**

Pelanggaran terhadap syarat-syarat lesen di bawah adalah merupakan suatu kesalahan dan Pengawal Jualan Langsung berhak untuk mengambil tindakan di bawah **AJLSAP 1993.**

1. Pemegang lesen adalah **TIDAK DIBENARKAN** membuat perkara-perkara berikut:

    i. memindah milik lesen jualan langsung;
    ii. mengamalkan pelan pemasaran yang tidak diluluskan oleh Pengawal Jualan Langsung;
    iii. menjual barang-barang dan/atau perkhidmatan selain daripada yang telah diluluskan oleh Kementerian;
    iv. meminda mana-mana bahagian dalam pelan pemasaran untuk tempoh selama **dua (2) tahun** selepas mendapat kelulusan terdahulu; dan

2. Pemegang lesen **HENDAKLAH MENDAPATKAN KELULUSAN** daripada Kementerian bagi perkara-perkara berikut:

    i. meminda mana-mana bahagian di dalam pelan pemasaran;
    ii. memasarkan barang-barang dan/atau perkhidmatan baru;

iii. mengadakan sebarang kempen, promosi atau apa jua bentuk iklan bagi tujuan memasarkan produk syarikat; dan
iv. membuat perubahan struktur harga barang-barang dan/atau perkhidmatan serta lain-lain hal berkaitan barang-barang dan/atau perkhidmatan sebelum ianya dipasarkan oleh pihak syarikat.
v. membuat sebarang pertukaran alamat premis perniagaan, nombor telefon / faks syarikat; dan
vi. membuat perubahan terhadap nama syarikat, struktur ekuiti dan pengarah syarikat.

3. Pemegang lesen **<u>HENDAKLAH MELAKSANAKAN</u>** perkara-perkara berikut:

i. memulakan operasi syarikat sepenuhnya dalam tempoh **enam (6) bulan** setelah lesen rasmi dikeluarkan (bagi kelulusan permohonan baru);
ii. mengambil tindakan terhadap pengedar/ejen yang mengamalkan jualan secara paksaan/desakan/penipuan termasuk cabutan bertuah, perjanjian hadiah percuma, diskaun atau penajaan serta mengeluarkan pengesahan risalah-risalah selain dari yang dikeluarkan oleh syarikat;
iii. memberi latihan kepada pengedar/ahli;
iv. meletakkan tanda harga bagi kesemua barang-barang yang dipamerkan dan harga perkhidmatan yang ditawarkan;
v. mencatatkan nombor lesen rasmi jualan langsung **AJL93XXXX** di papan tanda, semua jenis iklan, bahan bercetak, letterhead dan laman web rasmi syarikat untuk tujuan semakan orang awam;
vi. mempamerkan lesen jualan langsung yang asal ditempat yang sesuai di premis/pejabat urusan syarikat dan salinan lesen asal pula dipamerkan di semua premis stokis syarikat untuk tujuan rujukan/makluman awam;
vii. mengemukakan **Borang Maklumat dan Prestasi Syarikat (BMS)** setiap tahun kepada Kementerian **(selewat-lewatnya pada 30 April)**; dan
viii. memastikan bahawa **<u>semua produk, pelabelan dan iklan/risalah keterangan produk berkaitan produk vitamin, makanan kesihatan, makanan tambahan, kosmetik dan lain-lain produk di bawah kawalselia Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mendapat kelulusan</u>** daripada KKM dan sentiasa mematuhi Undang-Undang dan Peraturan semasa yang berkuat kuasa.
ix. Syarikat adalah diingatkan untuk mengemukakan permohonan pembaharuan **tiga (3) bulan** sebelum tempoh lesen tamat.

4. Syarikat adalah diwajibkan untuk berdaftar dan menyertai ***Malaysian Direct Distribution Association*** **(MDDA)** atau ***Direct Selling Association of Malaysia*** **(DSAM)**.

**KADAR BAYARAN**

Bayaran untuk lesen adalah RM 500 setahun dan perlu dibuat di dalam bentuk Bank Deraf atau Kiriman Wang dan atas nama Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KSU KPDNKK).

**PENGAMBILAN LESEN**

Pengambilan lesen perlu dilakukan sendiri oleh Pengarah Urusan atau Pengurusan Atasan Syarikat dan membuat perakuan penerimaan syarat-syarat lesen di pejabat Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan.

## TATACARA LAIN-LAIN PERMOHONAN

**PERMOHONAN PINDAAN PELAN PEMASARAN**

1. Mengemukakan maklumat pindaan pelan pemasaran di dalam borang (seperti Format B);

2. penerangan terperinci pelan pemasaran baru; dan

3. persetujuan pindaan pelan pemasaran daripada leader / agen / distributor syarikat.

**PERMOHONAN MENGADAKAN KEMPEN/PROMOSI/INSENTIF**

1. Maklumat lengkap mengenai kempen/promosi/insentif termasuk tatacara dan tempoh pelaksanaan;

2. kempen/promosi/insentif tersebut tidak digunakan sebagai taktik/jalan untuk memaksa/menarik orang ramai menjadi ahli syarikat;

3. permohonan perlu dikemukakan sekurang-kurangnya **satu bulan** sebelum kempen/promosi/insentif tersebut diadakan; dan

4. salinan surat kelulusan/tiada halangan daripada Kementerian bagi produk atau perkhidmatan yang akan dipasarkan semasa kempen/promosi.

**PERMOHONAN PENAMBAHAN PRODUK BARU**

1. Mengemukakan Borang Struktur Harga Produk (rujuk Format A);

2. brosur/bahan bercetak mengenai produk/perkhidmatan baru berkenaan;

3. mengemukakan sebut harga/invoice produk/perkhidmatan daripada pembekal, dan

4. salinan kelulusan produk atau perkhidmatan.

**PERMOHONAN PENSTRUKTURAN HARGA PRODUK**

1. Mengemukakan Borang Struktur Harga Produk lama dan baru (rujuk Format A);

2. mengemukakan sebut harga/invoice produk/perkhidmatan daripada pembekal; dan

3. mematuhi akta dan peraturan yang sedang berkuatkuasa seperti **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 201**1 dan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme untuk Menentukan Keuntungan Tinggi yang Tidak Munasabah bagi Barangan) 2016**.

## PERINGATAN

Sebelum menceburi perniagaan jualan langsung, anda dinasihatkan supaya terlebih dahulu memahami secara jelas **AKTA JUALAN LANGSUNG DAN SKIM ANTI PIRAMID 1993 (AJLSAP 1993)**.

**<u>SENARAI SEMAK PERMOHONAN BAHARU</u>**

<table>
<tr><td>Nama Syarikat</td><td colspan="6"></td></tr>
<tr><td>No. Fail</td><td colspan="6"></td></tr>
<tr><td>No. Tel/ Faks/ Email</td><td colspan="6"></td></tr>
<tr><td>Pelan Pemasaran</td><td>MLM</td><td></td><td>SLM</td><td></td><td>MO</td><td></td></tr>
<tr><td>Status Pemilikan Syarikat (Modal Berbayar)</td><td>Bumiputera</td><td></td><td>Bukan Bumiputera</td><td></td><td>Bukan Warganegara</td><td></td></tr>
<tr><td>Tarikh Penerimaan</td><td>BLESS/Kaunter</td><td colspan="5"></td></tr>
<tr><td>Dokumen Lengkap</td><td>BLESS/Kaunter</td><td colspan="5"></td></tr>
</table>

| **<u>BIL</u>** | **<u>DOKUMEN</u>** | **<u>TANDAKAN (√) MANA YANG BERKENAAN</u>** | **<u>ULASAN</u>** |
|---|---|---|---|
| 1. | Borang AJL1 (bertaip dan dimeterai) | | Sila kemaskini di BLESS |
| 2. | **Profil Syarikat**<br>a) Latar belakang Ahli Lembaga Pengarah;<br>b) Latar belakang Pemegang Saham;<br>c) Salinan kad pengenalan / pasport;<br>d) Carta Organisasi; dan<br>e) Salinan terkini Penyata KWSP. | | Dilampirkan bersama permohonan. |
| 3. | **SSM *Print-Out*** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia**<br>• menambah / meminda kod bidang ***Direct Selling* / Jualan Langsung dalam *Nature of Business*** | | Sila kemaskini di BLESS |
| 4. | **Memorandum** dan perkara Persatuan **<u>ditentusahkan</u>** melalui Akuan Berkanun oleh pengarah<br>• menambah / meminda kod bidang ***Direct Selling* / Jualan Langsung** | | Dilampirkan bersama permohonan. |
| 5. | Salinan Lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Jika berkaitan) | | Dilampirkan bersama permohonan. |
| 6. | Keterangan produk / brosur yang lengkap dan berwarna | | Dilampirkan bersama permohonan. |
| 7. | Borang struktur harga produk / perkhidmatan (**Format A)**<br>a) sila pastikan nama kesemua produk di Format A, salinan inbois pembekal dan brosur adalah seperti yang tertera di surat kelulusan produk tersebut;<br>b) dokumen pembuktian dan justifikasi pengiraan bagi kolum 4 - **duti import;** (jika berkaitan)<br>c) dokumen pembuktian dan justifikasi pengiraan bagi kolum 5 – seperti **kos pengangkutan/pembungkusan/pelabelan dan lain-lain;**<br>d) sila pastikan kesemua produk mempunyai | | Dilampirkan bersama permohonan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | kandungan berat bersih dalam Format A.<br>**contoh: SRITHAI - PREMIX COFFEE<br>(17g x 24 sachets / box)**<br>e) **sila pastikan *mark-up* nilai harga produk <u>tidak melebihi 4.0 kali ganda harga kos;</u>** | | |
| 7. | Salinan surat kelulusan terkini produk:<br>a) Kementerian Kesihatan Malaysia<br>i. Salinan Pengesahan Semakan Label produk terkini daripada **Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) - PRODUK MAKANAN**<br>ii. Salinan Notifikasi **(NOT)** dari **Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) - PRODUK KOSMETIK**<br>**iii.** Salinan sijil pendaftaran produk **(MAL)** daripada **Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) - PRODUK UBAT / MAKANAN KESIHATAN**<br>iv. Salinan **sijil kelulusan Iklan daripada Lembaga Iklan Ubat (KKLIU)** bagi kesemua produk yang mendapat kelulusan MAL yang dikeluarkan oleh PBKD<br>v. Salinan **surat perakuan peranti perubatan** bagi produk yang beradiasi elektromagnetik (*infrared*)<br>b) Suruhanjaya Tenaga & SIRIM - Produk Tenaga Eletrik<br>c) Lembaga Pelesenan Tenaga Atom - produk yang mempunyai bahan radioaktif<br>d) Kementerian Pendidikan Malaysia - produk pembelajaran<br>e) Surat kebenaran PDA - produk berasaskan bahan petroleum | | Dilampirkan bersama permohonan. |
| 8. | Salinan invois / sebut harga daripada syarikat pembekal | | Dilampirkan bersama permohonan. |
| 9. | Polisi Beli Balik - Sila rujuk contoh di laman sesawang **<u>www.kpdnkk.gov.my</u>** | | Dilampirkan bersama permohonan. |
| 10. | Pelan Pemasaran syarikat (MLM & SLM sahaja) | | Dilampirkan bersama permohonan. |
| 11. | Contoh Kontrak Jualan (18 poin *Times*) bagi **Pelan Pemasaran MLM & SLM** sahaja - Sila rujuk contoh di laman sesawang **<u>www.kpdnkk.gov.my</u>** | | Dilampirkan bersama permohonan. |
| 12. | Contoh Iklan Pesanan Pos (bagi permohonan *Mail Order* sahaja) | | Dilampirkan bersama permohonan. |

Nota:

1. Dokumen permohonan hendaklah mengikut turutan seperti di senarai semak.
2. Kesemua dokumen yang berkaitan mestilah di sahkan oleh Setiausaha Syarikat.
3. Syarikat **PERLU** mengemukakan permohonan melalui BLESS dan sesalinan permohonan hendaklah dihantar ke kaunter melalui serahan tangan atau pos ke alamat seperti berikut:

   **Pengarah**
   **Bahagian Perdagangan Dalam Negeri**
   **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan kepenggunaan**
   **Aras 4, No.13, Persiaran Perdana, Presint 2**
   **Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**
   **62623 Putrajaya.**
   **(u.p.: Unit Jualan Langsung)**

4. Permohonan syarikat akan diproses setelah Kementerian menerima dokumen lengkap.

## SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN

<table>
<tr><td>Nama Syarikat</td><td colspan="6"></td></tr>
<tr><td>No. Fail</td><td colspan="6"></td></tr>
<tr><td>No. Tel/ Faks/ Email</td><td colspan="6"></td></tr>
<tr><td>Pelan Pemasaran</td><td>MLM</td><td></td><td>SLM</td><td></td><td>MO</td><td></td></tr>
<tr><td>Status Pemilikan Syarikat (Modal Berbayar)</td><td>Bumiputera</td><td></td><td>Bukan Bumiputera</td><td></td><td>Bukan Warganegara</td><td></td></tr>
<tr><td>No. Serahan BLESS 2.0</td><td colspan="6"></td></tr>
<tr><td>Tarikh Dokumen Lengkap</td><td colspan="6"></td></tr>
</table>

| BIL | DOKUMEN | TANDAKAN (√) | ULASAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Borang **AJL1** (bertaip dan dimeterai) | | Sila kemaskini di BLESS 2.0 |
| 2. | **SSM *Print-Out*** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia**<br>• menambah / meminda kod bidang ***Direct Selling* / Jualan Langsung dalam *Nature of Business*** | | Sila kemaskini di BLESS 2.0 |
| 3. | Salinan **Penyata Kewangan** terkini yang telah diaudit | | Serahan di kaunter. |
| 4. | Borang Maklumat Syarikat dan Prestasi (**BMS**) terkini | | Serahan di kaunter. |
| 5. | **Produk:**<br>(i) Borang struktur harga produk / perkhidmatan (**Format A**);<br>(ii) **Brosur** /keterangan produk yang lengkap dan berwarna; dan<br>(iii) Salinan **surat kelulusan terkini produk** daripada Kementerian/Agensi berkaitan (cth.: Kementerian Kesihatan Malaysia/ Suruhanjaya Tenaga/ Sirim). | | Serahan di kaunter. |
| 6. | **Dokumen tambahan:**<br>(i) Pelan Pemasaran syarikat (**MLM & SLM sahaja**) *(jika terdapat perubahan pelan pemasaran, sila sertakan kelulusan dari kementerian)*;<br>(ii) Contoh Iklan Pesanan Pos (bagi permohonan ***Mail Order* sahaja**); dan<br>(iii) Salinan Lesen terdahulu dan syarat-syarat lesen yang telah ditandatangani oleh pengarah. | | Serahan di kaunter |

**PENGAKUAN PEMOHON**

☐ "Saya/kami mengaku dan mengesahkan bahawa segala dokumen yang diberikan di dalam permohonan adalah **SAH, BETUL DAN BENAR**. Saya juga mengaku bahawa **SYARIKAT TIDAK MELAKUKAN SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT DALAM SYARIKAT SEMASA PERMOHONAN INI DIKEMUKAKAN.** Saya/Kami faham bahawa apa-apa pernyataan **PALSU ATAU MENGELIRUKAN** yang dibuat di dalam ini menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993"

| | |
|---|---|
| ………………………………………... | ……………………………… |
| Nama (Pemegang Saham/Pengarah) | Tandatangan |

| | | |
|---|---|---|
| …………………….... | ………………… | ……………………………… |
| No. Kad Pengenalan | Tarikh | Cop Rasmi Syarikat |

---

Nota:

1. Dokumen permohonan hendaklah mengikut turutan seperti di senarai semak.
2. Kesemua dokumen yang berkaitan mestilah di sahkan oleh Setiausaha Syarikat.
3. Syarikat **PERLU** mengemukakan permohonan melalui BLESS 2.0 dan sesalinan permohonan hendaklah dihantar ke kaunter melalui serahan tangan atau pos ke alamat seperti berikut:

   **Pengarah**
   **Bahagian Perdagangan Dalam Negeri**
   **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan kepenggunaan**
   **Aras 4, No.13, Persiaran Perdana, Presint 2**
   **Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**
   **62623 Putrajaya.**
   **(u.p.: Unit Jualan Langsung)**

4. Permohonan syarikat akan diproses setelah Kementerian menerima dokumen lengkap.